

17 AUG 1996

SAMBUTAN RASMI UNTUK PERDANA MENTERI TURKI

KUALA LUMPUR, 17 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Turki, Dr Necmettin Erbakan, yang tiba di sini semalam untuk lawatan tiga hari, diberi sambutan rasmi di Medan Parlimen hari ini.

Beliau disambut oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. Turut hadir ialah Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Dr Erbakan memeriksa perbarisan kehormatan oleh 107 pegawai dan anggota Batalion Pertama Rejimen Askar Melayu Diraja diketuai oleh Mejar Rafizi Sharif.

Anggota Kabinet dan diplomat asing diperkenalkan kepada pemimpin Turki itu yang kemudian berlepas ke Jabatan Perdana Menteri untuk mengadakan pertemuan dengan Dr Mahathir.

Dr Erbakan dijadualkan diberi taklimat di Unit Perancang Ekonomi di Jabatan Perdana Menteri kemudiannya. Beliau juga dijadualkan mengadap Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar di Istana Negara dan pada sebelah malamnya menghadiri majlis makan di kediaman Perdana Menteri di Sri Perdana.

Ini adalah lawatan pertama Dr Erbakan ke Malaysia sejak menjadi Perdana Menteri Jun lepas. -- BERNAMA

MAM OBA